

<b>AGENDA 6.4 LAPORAN KESELURUHAN PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL LUAR</b>
--

**1. Tujuan**

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Universiti (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang laporan keseluruhan penilaian prestasi pembekal luar (Penyedia Luar) bagi tahun 2019.

**2. Latar belakang**

Penilaian ini dibuat secara atas talian menggunakan sistem Penilaian Prestasi Pembekal dan Agensi Pelancongan di alamat <http://spps.upm.edu.my/SPPS/> ke atas semua pembekal UPM oleh pentadbir kontrak di Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan prestasi kerja pembekal. Penilaian yang dibuat akan dicetak dan dilampirkan bersama-sama dokumen sokongan yang lain ketika proses bayaran dibuat. Pejabat Bursar akan membuat analisa penilaian prestasi pembekal sebanyak 2 kali setahun iaitu bagi tempoh Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember dengan tujuan untuk memantau kualiti bekalan/perkhidmatan/kerja yang dilaksana oleh pembekal adalah mengikut keperluan spesifikasi yang diperlukan. Bagi tahun 2019, sebanyak 32,978 transaksi pembekal telah dibuat penilaian dan ringkasan penilaian markah yang telah dibuat adalah sebagaimana **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Bilangan Transaksi Pembekal Mengikut Skala Markah**

<b>SKALA</b>	<b>MARKAH</b>	<b>BIL.</b>	<b>%</b>
Sangat Memuaskan	81-100	23,484	71.21%
Memuaskan	61-80	9,411	28.54%
Kurang Memuaskan	41-60	77	0.23%
Tidak Memuaskan	21-40	5	0.02
Sangat Tidak Memuaskan	0-20	1	0.00
<b>JUMLAH TRANSAKSI</b>		<b>32,978</b>	<b>100.00%</b>

Secara keseluruhannya, bagi tahun 2019, sebanyak 23,484 transaksi iaitu 71.21% daripada 32,978 transaksi pembekal telah mendapat skor penilaian 81-100% pada skala sangat memuaskan dan 9,411 transaksi mendapat skor 61-80% iaitu pada skala memuaskan. Manakala bagi skor skala kurang memuaskan dan ke bawah dengan iaitu dengan skor 41-60%, 21-40% dan 0-20% terdapat 83 transaksi bersamaan 0.25% diberi markah 60% dan ke bawah dan dibuat pemantauan untuk penambahbaikan pada masa akan datang.

Analisa proses penilaian prestasi dibuat mengikut jenis perolehan iaitu bekalan/perkhidmatan/kerja berdasarkan kriteria sebagaimana di **Lampiran 1**.

### **3. Pemantauan Pembekal dengan Skor Penilaian 60 dan ke bawah**

Bagi tahun 2019, seramai 83 transaksi telah memperolehi skor penilaian kurang daripada 60%. Di antara sebab pembekal diberi penilaian markah kurang memuaskan ini adalah kerana:

- (a) Kelewatan semasa penghantaran bekalan di pusat tanggungjawab dan sukar dihubungi.
- (b) Bekalan yang dihantar kurang kualiti.
- (c) Pembekal tidak mematuhi syarat-syarat seperti di dalam dokumen kontrak perjanjian.
- (d) Syarikat tidak mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan.
- (e) Syarikat membekalkan pekerja yang tidak mencukupi.

Pejabat Bursar telah mengadakan perbincangan dengan pembekal-pembekal ini pada 8 Ogos 2019 (bagi transaksi yang mendapat penilaian kurang daripada 60% untuk tempoh Januari-Jun 2019) dan 24 Februari 2020 (bagi pembekal yang mendapat penilaian kurang 60% untuk tempoh Julai-Disember 2019). Pada sesi perbincangan tersebut, pembekal turut dimaklumkan mengenai penilaian yang telah dibuat ke atas mereka dan implikasi sekiranya prestasi mereka masih di tahap kurang memuaskan. Hasil perbincangan, pembekal bersetuju untuk menambah baik prestasi mereka pada masa akan datang.

Bagi menambahbaik proses penilaian prestasi pembekal, bermula tahun 2020 Pejabat Bursar telah memuatnaik senarai pembekal yang mendapat prestasi kurang memuaskan untuk tempoh Januari-Jun 2020 di laman sesawang Pejabat Bursar

[https://bursar.upm.edu.my/muat\\_turun\\_dokumen/perolehan/penilaian\\_prestasi\\_pembekal-58915](https://bursar.upm.edu.my/muat_turun_dokumen/perolehan/penilaian_prestasi_pembekal-58915) untuk makluman semua PTJ.

4. **Syor**

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dimohon mengambil perhatian berhubung laporan mengenai penilaian prestasi pembekal luar sebagaimana keperluan standard, klausa 9.3.2 (c).

**LAMPIRAN 1**

**Kriteria Penilaian Prestasi Mengikut Jenis Perolehan**

**Bekalan**

1. Bekalan telah disempurnakan mengikut spesifikasi berdasarkan kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan.
2. Bekalan dihantar dalam tempoh yang telah ditetapkan.
3. Perkhidmatan yang diberikan semasa urusan perolehan bekalan dijalankan.
4. Perkhidmatan selepas jualan (after sales service).
5. Keupayaan syarikat dari segi tenaga kerja dan peralatan semasa urusan penghantaran bekalan.

**Perkhidmatan**

1. Perkhidmatan telah disempurnakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
2. Perkhidmatan mengikut kualiti yang telah ditetapkan.
3. Perkhidmatan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.
4. Perkhidmatan yang diberikan semasa urusan perolehan dijalankan.
5. Perkhidmatan yang diberikan semasa tempoh kontrak dilaksanakan.
6. Keupayaan syarikat dari segi tenaga kerja dan peralatan.
7. Pembekal mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan yang berkaitan.

**Kerja**

1. Kerja telah disempurnakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
2. Kerja mengikut kualiti yang telah ditetapkan.
3. Kuantiti bahan yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja ini.
4. Kerja yang dilaksanakan siap mengikut jadual.

5. Komitmen yang diberikan semasa kerja-kerja dijalankan.
6. Tenaga kerja dan peralatan yang digunakan dalam melaksanakan kerja-kerja.
7. Keupayaan syarikat dari segi kewangan semasa kerja-kerja dilaksanakan.
8. Pengalaman kerja-kerja yang lepas dan semasa.